

SIARAN MEDIA

KOLEJ KOMUNITI KEPALA BATAS JUARA KESELURUHAN PERTANDINGAN INOVASI POLYCCOM'23

KEPALA BATAS, 27 JULAI 2023 - Baru-baru ini Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui Pusat Penyelidikan dan Inovasi dengan kerjasama Kolej Komuniti Kepala Batas telah menganjurkan Pertandingan MYPOLYCC Komersial Peringkat Kebangsaan atau POLYCCOM'23. Sebanyak 47 produk telah dipertandingkan dalam lapan (8) kategori iaitu Peralatan, Mesin, Pembinaan & Bahan, Teknologi Makanan, Rekabentuk Seni & Kreatif, Pengajaran & Pembelajaran, Multimedia & ICT, Elektrik & Elektronik, Teknologi Industri & IR4.0 dan Produk hijau, Pertanian & Alam Sekitar.

Pertandingan ini dibahagikan kepada empat anugerah iaitu Produk Berpotensi Untuk Komersial (Kategori Teknikal), Produk Berpotensi untuk Komersial (Kategori Bukan Teknikal), Pengkomersialan Terbaik dan Juara Keseluruhan Terbaik. Bagi Juara Keseluruhan Terbaik dimenangi oleh Kolej Komuniti Kepala Batas yang mencalonkan produk An Auto SS, iaitu produk sistem keselamatan kenderaan bagi mengelakkan kematian mengejut akibat kebocoran gas karbon monoksida, pencegahan kecurian kenderaan dan kawalan pemandu mabuk. Produk ini telah berjaya dipertandingkan di beberapa pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta telah berjaya dipasarkan kepada pengguna sebelum ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) JPPKK, Ts. Haji Muhamad Rumzi Mamat, berkata JPPKK sentiasa berusaha untuk memperkasakan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan melalui permohonan peruntukan Rancangan Malaysia Ke- 12 (RMK12) sebanyak RM8.7 juta bagi tahun 2024-2025 telah dimohon dimana RM2.7 juta dikhaskan untuk program pengkomersialan.

“JPPKK telah menubuhkan Innovation and Commercialization Centre (ICC) yang beroperasi di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) di Shah Alam, Selangor. ICC berfungsi sebagai pameran produk, rujukan, latihan dan *pitching*. Sehingga kini, ICC telah mengadakan kolaborasi bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), program *pitching* berimpak bersama Yayasan Inovasi Malaysia dan MIMOS, 45 produk telah dipapar dan penglibatan seramai 1033 peserta daripada 34 aktiviti pengkomersialan yang telah dijalankan sepanjang 2021-2023. JPPKK juga mendapat peruntukan sebanyak RM200,000 untuk program pengkomersialan pada tahun 2022 dan enam produk telah berjaya dikomersialkan daripada peruntukan tersebut.”

“Berdasarkan kepada Pelan Strategik Pengkomersialan Politeknik dan Kolej Komuniti 2021-2028, kita kini berada di fasa kedua iaitu Fasa Pembudayaan Pengkomersialan yang bermula dari tahun ini dan berakhir pada tahun depan. Selanjutnya kita akan beralih ke Fasa Peningkatan pada tahun 2025 hingga tahun 2026 dan bergerak menuju ke fasa terakhir iaitu Fasa Pemerkasaan dan Kecemerlangan pada tahun 2027 hingga tahun 2028.”

“Sehebat mana sekalipun produk yang kita hasilkan, kewujudannya tidak akan disedari sekaligus tidak akan dapat dimanfaatkan oleh sesiapa tanpa usaha yang betul dalam aspek pengkomersialan. Sebagaimana para penyelidik berusaha keras untuk meletakkan hasil kajian masing-masing dalam jurnal *Scopus* dan *Web of Science* (WOS), begitulah juga para perekacipta perlu meletakkan produk masing-masing di satu posisi yang membolehkan produk berada di pasaran global secara terampil dan mendapat perlindungan hakcipta yang sempurna.” Katanya lagi.

Manakala menurut Ts. Jasni Mohd Yusoff, Pengarah Kolej Komuniti Kepala Batas, POLYCCOM 2023 kali ini dilihat sebagai satu platform khususnya kepada warga POLYCC bagi mendapat pengiktirafan terhadap produk-produk inovasi yang telah dipaten dan dikomersialkan.

“Produk inovasi yang dipertandingkan ini boleh dicalonkan untuk memohon dana penyelidikan dan pembangunan atau R&D. Melalui perolehan dana R&D ini, fungsi produk boleh dikembangkan lagi dengan penerapan teknologi terkini, seterusnya dikomersialkan bukan sahaja diperingkat nasional, malah ke peringkat global”, katanya lagi.

Turut hadir pada majlis perasmian penutup ini adalah Dr. Riam A/P Chau Mai, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, JPPKK, Ts. Jasni Mohd Yusoff, Pengarah Kolej Komuniti Kepala Batas, Pengerusi-pengerusi Zon PolyCC Malaysia, Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Pulau Pinang.

SENARAI PEMENANG POLYCCOM'23:

- 1. Anugerah Produk Berpotensi Komersial (Teknikal):**
Inkubator Penetas Telur Unggas IKS,
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)
- 2. Anugerah Produk Berpotensi Komersial (Bukan Teknikal)**
MIKRAJ – Israk Mikraj Education Board Game,
Politeknik Kuching Sarawak (PKS)
- 3. Produk Pengkomersialan Terbaik:**
 - Sambal Teruna Berapi,**
Kolej Komuniti Sungai Petani (KKSP)
 - Gulai Daging Batang Pisang,**
Langkawi Tourism Academy @ Kolej Komuniti Langkawi (LTA@KKLK)

**-Sistem Pertanian Jimat Tenaga (SPJT),
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)**

-TAMAT-

**KOLEJ KOMUNITI KEPALA BATAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

1 Ogos 2023

*Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kolej Komuniti Kepala Batas*